



# MAJLIS PERBANDARAN MUAR

**PELAN  
STRATEGIK  
2026-2030**

# RUJUKAN KANDUNGAN BUKU PELAN STRATEGIK MPM 2026-2030

Kata-kata aluan Y. Bhg Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar (MPM)	1	<b>03 Halatuju Pelan Strategik 2026-2030</b>	
Ringkasan Eksekutif Pelan Strategik MPM 2026–2030	2	Visi, Misi dan Moto MPM	21
Kerangka Pelan Strategik MPM dan Penjajaran Strategi	3	Nilai-Nilai Bersama	22
<b>01 Pengenalan Organisasi</b>		Teras Strategik 1 Dan Pelan Tindakan Strategik	23
Latar Belakang Organisasi	5	Teras Strategik 2 Dan Pelan Tindakan Strategik	28
Punca Kuasa dan Akta	6	Teras Strategik 3 Dan Pelan Tindakan Strategik	31
Fungsi dan Peranan MPM	7	Teras Strategik 4 Dan Pelan Tindakan Strategik	35
Pelanggan, Rakan Strategik dan Pihak Berkepentingan	8	Analisis Risiko Dalam Menjayakan Pelan Strategik 2026-2030	43
Struktur Organisasi MPM	11		
<b>02 Analisis Organisasi dan Pencapaian</b>		<b>04 Penutup</b>	
Overview Pencapaian Pelan Strategik MPM 2021-2025	13	Penutup	45
Analisis Persekitaran dan Cabaran Semasa	18	Glosari	46
Analisis Dalaman dan Luaran Organisasi	19		





**Muar Bandar Maharani**  
**Muar Bandar Pintar**  
**Muar Bandar Bersih**  
**Muar Bandar Hub Industri Perabut**  
**Muar Bandar Destinasi Eko Pelancongan**

# KATA-KATA ALUAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN MUAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Maju Johor dan Salam Muar Perkasa 2030.

Dengan penuh rasa syukur, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kejayaan Majlis Perbandaran Muar (MPM) menyiapkan Pelan Strategik MPM 2026-2030, sebuah dokumen penting yang akan menjadi kompas hala tuju pembangunan daerah Muar bagi tempoh lima tahun akan datang. Pelan ini dibangun berteraskan aspirasi kerajaan, kehendak masyarakat, serta keperluan untuk memperkukuh kapasiti MPM sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan yang responsif, berdaya maju dan berpaksikan tadbir urus yang cemerlang.

Pelan strategik ini digubal melalui proses libat urus yang inklusif melibatkan pelbagai pihak berkepentingan – agensi kerajaan, pemimpin komuniti, sektor swasta, badan bukan kerajaan serta warga Muar sendiri. Pendekatan ini dibuat bagi memastikan setiap strategi yang digariskan bukan sahaja realistik dan berimpak, tetapi juga selari dengan hasrat menjadikan Muar sebagai sebuah bandar yang sejahtera, mampan dan berdaya huni.

Tempoh lima tahun mendatang menuntut MPM untuk lebih proaktif menghadapi cabaran perbandaran moden seperti pertumbuhan penduduk, pembangunan ekonomi, pengurusan alam sekitar, digitalisasi perkhidmatan serta peningkatan kualiti hidup masyarakat di daerah Muar. Justeru itu, Pelan Strategik 2026-2030 memberi tumpuan kepada empat teras utama merangkumi pengurusan organisasi yang cekap dan efektif, pengurusan kewangan dan aset yang mampan, pengurusan perkhidmatan perbandaran yang efisien, pembangunan mampan, pintar dan memperkasakan masyarakat – selaras dengan visi menjadikan Muar sebuah bandar sejahtera dan berdaya huni selain menjadi pilihan untuk didiami, dilawati dan mampu menarik para pelabur.

Saya yakin, kejayaan pelaksanaan pelan ini memerlukan komitmen padu daripada seluruh warga kerja MPM serta sokongan berterusan warga Muar. Marilah kita bersama-sama berganding bahu untuk menyokong agenda pembangunan ini demi memastikan Muar terus melangkah maju sebagai sebuah bandar progresif yang beridentiti, berbudaya dan memiliki masa depan yang mampan.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penghasilan pelan strategik ini. Semoga usaha ini menjadi pemangkin kepada transformasi MPM menuju kecemerlangan yang lebih tinggi di masa akan datang,

Sekian, terima kasih.

**Yang Dipertua  
MAJLIS PERBANDARAN MUAR**



**Y.Bhg. Haji Norrizam  
Bin Muhamad**

**YBhg Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Muar**



# RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN MUAR 2026-2030



Pelan Strategik Majlis Perbandaran Muar dirangka bagi memperkukuh peranan pihak berkuasa tempatan sebagai organisasi yang cekap, berintegriti dan berorientasikan rakyat. Penekanan utama diberikan kepada Pengurusan Organisasi Yang Cepak dan Efektif melalui penambahbaikan tadbir urus, pengoptimuman proses kerja, pemerkasaan modal insan serta penggunaan teknologi digital bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

Dalam aspek Pengurusan Kewangan dan Aset Yang Mampan, pelan ini menekankan disiplin kewangan, peningkatan hasil, pengurusan aset yang sistematik serta perancangan perbelanjaan berhemah bagi menjamin kelestarian jangka panjang.

Pengurusan Perkhidmatan Perbandaran Yang Efisien pula memberi tumpuan kepada kualiti perkhidmatan, penyelenggaraan infrastruktur, kebersihan, keselamatan dan kesejahteraan persekitaran bandar.

Akhirnya, pelan ini menyokong Pembangunan Mampan, Pintar dan Memperkasakan Masyarakat melalui perancangan bandar inklusif, penggunaan teknologi pintar, pemeliharaan alam sekitar serta penglibatan aktif komuniti demi menjadikan Muar bandar sejahtera, berdaya huni dan berdaya saing.

Berikut adalah jumlah teras strategik, jumlah objektif strategik dan pelan tindakan strategik yang telah dirangka untuk dijayakan sepanjang tahun 2026-2030

## Teras Strategik 1 : Pengurusan Organisasi Yang Cepak dan Efektif

8 Objektif Strategik

38 Inisiatif Strategik

## Teras Strategik 2 : Pengurusan Kewangan & Aset Yang Mampan

5 Objektif Strategik

22 Inisiatif Strategik

## Teras Strategik 3 : Pengurusan Perkhidmatan Perbandaran Yang Efisien

6 Objektif Strategik

26 Inisiatif Strategik

## Teras Strategik 4 : Pembangunan Mampan, Pintar dan Memperkasakan Sosio Ekonomi Masyarakat

15 Objektif Strategik

65 Inisiatif Strategik



MAJLIS PERBANDARAN MUAR

Muar Ke Arah Bandar Sejahtera  
Dan Berdaya Huni

Merealisasikan Tadbir Urus Perkhidmatan Perbandaran Secara  
Efektif dan Efisien

Pengurusan  
Organisasi Yang  
Cepat dan  
Efektif

Pengurusan  
Kewangan &  
Aset Yang  
Mampan

Pengurusan  
Perkhidmatan  
Perbandaran  
Yang Efisien

Pembangunan  
Mampan,  
Pintar dan  
Memperkasakan  
Sosio Ekonomi  
Masyarakat

Muar Bandar Bersih & Indah

Muar Bandar Pintar

Muar Bandar Sejahtera

Muar Bandar Destinasi Warisan Negara

Muar Bandar Mampan

Muar Bandar Selamat



## Membangunkan Format Pemantauan


Membangunkan format pemantauan dan pelaporan untuk memastikan pelaksanaan yang tepat.

## Menetapkan Hala Tuju

Menetapkan hala tuju strategik dan prinsip untuk membimbing tindakan.

## Analisis Keperluan

Menganalisis keperluan organisasi dan halatuju negara untuk menetapkan dasar dan halatuju baru.



## Membangunkan Dashboard

Membangunkan dashboard untuk memantau pelaksanaan pelan strategik.


## Kajian Stakeholder

Mengkaji keperluan stakeholder untuk menetapkan fokus utama dalam pelan strategik.

## Analisis Pencapaian

Mengkaji pencapaian yang lalu untuk mengenal pasti bidang untuk pengekalan dan penambahbaikan.

Pelan Strategik MPM 2026-2030 ini dirangka berdasarkan penjajaran kepada dasar dan halatuju semasa negara dan negeri bagi memastikan segala perancangan ini selari dengan visi dan misi negara serta keperluan rakyat. Objektif dan inisiatif strategi yang dirangka juga dicadangkan untuk menyokong agenda dan program penting dalam dasar dan pelan strategik utama ini;



# Pengenalan Organisasi





# LATAR BELAKANG ORGANISASI

1903-1910

Pentadbiran awal bermula sebagai Lembaga Sanitari (Sanitary Board) bagi menguruskan kebersihan dan kesihatan bandar.

1921

Town Board (di bawah Town Board Enactment 1911)

06 Mac  
1952

Majlis Bandaran Bandar Maharani (di bawah Local Authorities Ordinance 1973)

01 Ogos  
1976

Majlis Daerah Muar Selatan (di bawah Akta Kerajaan Tempatan, peruntukan-peruntukan sementara 1973)

01 Januari  
2001

Majlis Perbandaran Muar



Pengisytiharan Majlis Perbandaran Muar telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Johor pada 14 April 2001. Majlis Perbandaran Muar yang suatu ketika dahulu dikenali sebagai Majlis Daerah Muar Selatan (di bawah Akta Kerajaan Tempatan, peruntukan sementara 1973) merangkumi 17 buah mukim yang sehingga kini diduduki hampir 357,148 orang penduduk pelbagai etnik.



## Bandar Maharani

Nama ini diberikan oleh Sultan Abu Bakar pada tahun 1887 sempena gelaran Maharani Fatimah.

## Keretapi Kerajaan Muar

Muar pernah mempunyai sistem perkeretapian sendiri, iaitu *Muar State Railways (MSR)*, yang beroperasi untuk memudahkan pengangkutan di daerah tersebut pada masa lampau.

## Lambang Korporat

Logo MPM telah dikemas kini pada 1 Januari 2018 dengan menyerapkan elemen Bendera Daerah Muar, Mahkota Kerajaan Johor, dan dua ekor harimau sebagai penyokong.



# PUNCA KUASA DAN AKTA

Berikut adalah Punca Kuasa Majlis Perbandaran Muar (MPM):

7

Akta

21

Undang-Undang  
Kecil

3

Perintah

1

Arahan/  
Pekeliling

Punca kuasa Majlis Perbandaran Muar (MPM) diperuntukan oleh 7 akta perundangan utama yang telah menetapkan fungsi serta bidang kuasa MPM sebagai pihak berkuasa tempatan utama di Negeri Johor. Antara akta teras ialah Akta Kerajaan Tempatan 1976, yang memberikan mandat meluas dalam aspek pentadbiran, kutipan cukai dan penyampaian perkhidmatan perbandaran. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 pula memperkukuh kuasa kawal selia terhadap pembangunan fizikal, keselamatan bangunan dan infrastruktur. Di samping itu, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 serta pelbagai undang-undang kecil memberi kuasa tambahan dalam pengawalseliaan tanah, pelesenan, kebersihan, penguatkuasaan dan pengurusan alam sekitar. Akta Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 pula menggariskan prosedur untuk menyerahkan pelan bangunan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk kelulusan. Ia termasuk keperluan untuk pelan bangunan, dokumen sokongan, dan yuran yang perlu dibayar. Keseluruhan kerangka akta, undang-undang kecil enakmen/peraturan, perintah dan kaedah ini memastikan MPM beroperasi secara berautoriti, sah, berkesan dan bertanggungjawab kepada kelestarian bandar dan kesejahteraan masyarakat. Juga Akta Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 752) untuk mengawal selia pengurusan dan penyenggaraan bangunan dan harta bersama dalam pembangunan strata.



# FUNGSI DAN PERANAN MAJLIS PERBANDARAN MUAR



Berdasarkan peruntukan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), MPM mempunyai peranan dalam pengurusan empat kategori aktiviti iaitu alam sekitar, kemudahan awam & infrastruktur, pembangunan serta sosial. Peranan MPM juga diperkasakan dengan Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) bagi memastikan aspek kebersihan dan kesihatan awam dipertingkatkan secara berterusan.

Bagi mempercepatkan pembangunan perbandaran, MPM turut mensasarkan projek berskala besar yang mampu memberi impak kepada pembangunan sekitar dengan penekanan utama diberi kepada sektor-sektor perumahan, perindustrian dan pelancongan. Perancangan pengukuhan kemudahan infrastruktur dan jaringan sistem perhubungan yang efisien juga diberi keutamaan kerana berpotensi mempercepatkan aliran masuk para pelabur tempatan dan asing untuk menanam modal sekaligus mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat

MPM menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan peranan dan fungsinya. Antara cabaran-cabaran tersebut termasuklah kekurangan sumber kewangan, peningkatan kos operasi, pertambahan penduduk dan pembangunan yang pesat dan perubahan iklim dan isu-isu alam sekitar.



## PELANGGAN MAJLIS PERBANDARAN MUAR



Keperluan utama pelanggan Majlis Perbandaran Muar (MPM) berkisar kepada perkhidmatan perbandaran yang efisien dan persekitaran hidup yang berkualiti. Keperluan ini boleh dilihat melalui pelaksanaan fungsi dan piagam pelanggan MPM.

Persekitaran bandar yang bersih, termasuklah pengurusan sisa pepejal yang berkesan

Kemudahan awam seperti jalan raya yang diselenggara dengan baik, lampu jalan yang berfungsi, dan taman rekreasi yang selamat serta boleh digunakan

Proses permohonan, pembaharuan, dan pemantauan lesen perniagaan, iklan, dan penjaja yang mudah dan cepat untuk memastikan operasi perniagaan mereka sah di sisi undang-undang

Perkhidmatan perbandaran yang cekap, berorientasikan pelanggan, dan memastikan kualiti hidup di Muar terus meningkat, seiring dengan usaha MPM untuk menjadikan Muar bandar yang bersih, indah, dan berdaya saing

Proses permohonan dan kelulusan pembangunan yang lancar dan terkawal, selaras dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

MPM peka dan responsif terhadap aduan serta maklum balas mereka, menggunakan saluran yang disediakan seperti sistem aduan dalam talian (SISPAA)

## RAKAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN MUAR



### Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi kerajaan yang bekerjasama dengan majlis perbandaran untuk pembangunan dan perkhidmatan.



### Organisasi Bukan Kerajaan

Pertubuhan yang menyokong inisiatif komuniti dan pembangunan mampan.



### Sektor Swasta

Perniagaan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan inovasi.



### Institusi Pendidikan

Sekolah dan universiti yang menyediakan pengetahuan dan pembangunan kemahiran.



### Komuniti Setempat

Penduduk yang terlibat dalam inisiatif dan pembangunan komuniti.

## Kepentingan Kerjasama dengan Rakan Strategik MPM



## PIHAK BERKEPENTINGAN MAJLIS PERBANDARAN MUAR



### Penduduk dan Komuniti Tempatan

Individu dan kumpulan yang tinggal di kawasan Majlis Perbandaran



### Kerajaan Negeri dan Persekutuan

Badan kerajaan yang menyediakan sokongan dan panduan



### Sektor Swasta

Perniagaan dan syarikat yang beroperasi di kawasan Majlis Perbandaran



### Organisasi Komuniti

Kumpulan yang berfokus pada isu-isu sosial dan alam sekitar



### Institusi Pendidikan

Sekolah dan universiti yang menyumbang kepada pembangunan



### Media

Outlet berita yang melaporkan aktiviti Majlis Perbandaran



Hubungan yang baik dengan pelanggan, rakan strategik, dan pihak berkepentingan adalah penting untuk kejayaan dan kemajuan Majlis Perbandaran Muar. MPM dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih baik, melaksanakan projek yang lebih berkesan, dan mencapai pembangunan yang mampan dan inklusif apabila dapat memahami keperluan dan membantu menyelesaikan masalah mereka dengan berkesan. Kerjasama yang erat dan berkesan dengan pelanggan, rakan strategik dan pengurusan pihak berkepentingan ini adalah kunci untuk memastikan MPM dapat berperanan dengan cekap dan berkesan dalam memenuhi keperluan masyarakat Muar.



## CARTA ORGANISASI MAJLIS PERBANDARAN MUAR



**HAJI NORRIZAM BIN MUHAMAD**  
YANG DIPERTUA (GRED N14)

24 AHLI MAJLIS



**HAJI MOHD FAIZ BIN MOHD SALLEH**  
SETIAUSAHA (GRED N13)

**UNIT UNDANG-UNDANG**

*Ketua Unit*  
**PUAN SALASIA BINTI ABDULLAH**  
*Pegawai Undang-Undang Gred L10 (KUP)*

**UNIT PUSAT SETEMPAT**

*Ketua Unit*  
**PUAN NORHASMAM BINTI HALID**  
*Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Gred J10*

**UNIT AUDIT DALAM**

*Ketua Unit*  
**HAJAH RUHAIZAH BINTI TAJUAID**  
*Penolong Pegawai Tadbir Gred N5*

**UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN**

*Ketua Unit*  
**PUAN KHAIRULLIANA BINTI SHAM**  
*Penolong Pegawai Penilaian Gred W6(KUP) (Menanggung)*

**UNIT PEROLEHAN DAN PENGURUSAN KONTRAK**

*Ketua Unit*  
**Ts. MUHAMMAD MASZWIN BIN MUSTAR**  
*Penolong Juruukur Bahan Gred JA5*

**UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT**

*Ketua Unit*  
**Tc. ZULKEFLI BIN YA'AKOB**  
*Penolong Pegawai Tadbir Gred N5*

**JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

*Ketua Jabatan*  
**PUAN FAIRUZ NAWWAR BINTI SHAMSUSAH**  
*Pegawai Tadbir Gred N10(KUP)*

**JABATAN KEWANGAN**

*Ketua Jabatan*  
**HAJI MOHAMAD SAZALI BIN MASIS C.A.(M)**  
*Akauntan Gred WA10*

**JABATAN KEJURUTERAAN**

*Ketua Jabatan*  
**Ts. MOHD TAUFIK BIN BIDON**  
*Jurutera Gred J10*

**JABATAN BANGUNAN**

*Ketua Jabatan*  
**HAJI MUHAMMAD ALI BIN TUKIMAN**  
*Arkitek Gred J10*

**JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA**

*Ketua Jabatan*  
**ENCIK SAMDATORAKMAR BIN AB TALIB**  
*Pegawai Penilaian Gred W10*

**JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT DAN KEMASYARAKATAN**

*Ketua Jabatan*  
**PUAN NORFAEZAH BINTI ISMAIL**  
*Pegawai Tadbir Gred N10(KUP)*

**JABATAN PENGUATKUASAAN**

*Ketua Jabatan*  
**ENCIK MOHD SHAFIQ BIN SALLEH**  
*Pen. Pegawai Penguatkuasa Gred KP5*

**JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN LANDSKAP**

*Ketua Jabatan*  
**TPr. SITI RUKIAH BINTI ABD SHUKOR**  
*Pegawai Perancang Bandar & Desa Gred J10 (KUP)*

**JABATAN KESIHATAN DAN PERLESENAN**

*Ketua Jabatan*  
**ENCIK MOHAMMAD AZLIE SHAM BIN RASULU**  
*Peg. Kesihatan Persekitaran Gred U9*






# Analisis Organisasi dan Pencapaian



# LINTASAN SEJARAH MPM 2021-2025





Pelan Strategik MPM 2021-2025 telah menetapkan 5 Teras Strategik Utama:



Pelan Strategik Majlis Perbandaran Muar 2021-2025 merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik Majlis Perbandaran Muar 2016-2020 yang lalu. Dokumen ini adalah merupakan rujukan utama kepada hala tuju MPM bagi tempoh lima (5) tahun akan datang dalam usaha mencipta dan membentuk budaya kerja cemerlang dan identiti organisasi terbilang. Beberapa strategi baharu telah ditambah selain menggunakan semula elemen-elemen lama yang masih relevan agar dapat memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam, kecekapan pengurusan pentadbiran dan menyediakan tadbir urus berintegriti tinggi. Penggubalan Pelan Strategik ini telah mengambil kira pandangan pegawai, anggota dan ahli majlis MPM.

# OVERVIEW PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK MPM 2021-2025

Objektif 1	Strategi	Program
	1	6
	2	1
	3	2
	4	3
	5	4
	6	7
	7	3
	8	4
	9	1
	10	13
	11	1

Objektif 2	Strategi	Program
	1	3
2	3	

Objektif 3	Strategi	Program
	1	2
	2	3
	3	2
	4	1
	5	1
	6	5
	7	1
	8	5
	9	4
	10	1
	11	4
	12	1
	13	11
	14	3
15	1	


Objektif 4	Strategi	Program
	1	6
	2	1
	3	1
	4	4
5	6	

Objektif 5	Strategi	Program
	1	1
2	1	

Hampir keseluruhan perancangan dalam Pelan Strategik MPM 2021-2025 berjaya dilaksanakan. Bagaimanapun, terdapat juga perancangan yang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan faktor halangan dan kekangan yang tidak dapat dielakkan.

MPM berdepan juga isu peningkatan aduan awam berdasarkan Rekod Aduan Awam - Jumlah Aduan Awam bagi tempoh tahun 2021 - tahun 2025. Dalam perancangan strategik MPM 2026-2030 nanti, agenda memperkasakan mutu perkhidmatan akan diketengahkan melalui beberapa inisiatif strategik hasil daripada sesi kajian dan analisis yang dilakukan di pelbagai peringkat pelaksanaan. Berikut adalah data dapatan lengkap jumlah aduan awam sepanjang tahun 2021-2025:

Bil	Tahun	Jumlah Aduan	Jumlah Selesai
1.	2023	1007	777
2.	2024	1324	772
5.	2025 (Okt. 2025)	1116	744



# OVERVIEW PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK MPM 2023-2025

PENCAPAIAN 2023			
BIL	PENYERTAAN	PENGIKTIRAFAN DARIPADA	TARIKH & LOKASI TERIMA
1.	Anugerah Integriti, Governans Dan Anti-Rasuah (AIGA)	Institut Integriti Malaysia	17 Januari 2023 Institut Integriti Malaysia
2.	Anugerah MIP PEA Silver Award (Muar Inklusif Bandar Mesra Autisme)	Malaysian Institute Of Planners	16 Januari 2023 Majestic Hotel Kuala Lumpur
3.	Anugerah Johor Smart City Forum 2023	MCS Cyberport Sdn Bhd	12 Jun 2023 Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor
4.	Anugerah Global Covenant Of Mayors For Climate & Energy	Global Covenant Of Mayors For Climate & Energy	16 Jun 2023 AICB Centre Of Excellence, Kuala Lumpur
5.	Anugerah Pencapaian Pengurusan Sisa (Waste Management Achievement Award)	Waste Management Association Of Malaysia	2 Ogos 2023 Impiana Hotel Ipoh
6.	Anugerah Sistem Penarafan Bintang (SPB-PBT) Tahun 2022	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	8 Ogos 2023 Majlis Perbandaran Muar
7.	Majlis Apresiasi Pembekal Data NAPIC Negeri Johor	Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Johor	25 September 2023 Grand Paragon Johor Bahru
8.	Anugerah Penarafan Bandar Pintar Malaysia	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	9 November 2023 Putrajaya
9.	Anugerah Urban Farming Awareness Day	Sime Darby Property	17 November 2023 Bandar Universiti Pagoh
10.	Anugerah Bandar Mampan 2023	Jab Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Johor	19 November 2023 Sunway City Iskandar Puteri Johor



## OVERVIEW PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK MPM 2023-2025

PENCAPAIAN 2024			
BIL	PENYERTAAN	PENGIKTIRAFAN DARIPADA	TARIKH & LOKASI TERIMA
1.	Anugerah Bandar Rendah Karbon	Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam	7 Februari 2024 M Resort & Hotel Kuala Lumpur
2.	Anugerah Standard Pelancongan ASEAN 2024 Peringkat Kebangsaan	Kementerian Pelancongan Seni Dan Budaya	29 April 2024 Cyber View Resort & SPA Cyberjaya
3.	Anugerah PBT Cemerlang Sempena Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia Peringkat KPKT Tahun 2024	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	8 Oktober 2024 Bangi Avenue Convention Centre
4.	Anugerah Penarafan 5 Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun 2024	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	26 & 27 Oktober 2024 Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya
5.	Anugerah SDG 2024 Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	28 Oktober 2024 Everly Hotel, Putrajaya

PENCAPAIAN 2025			
BIL	PENYERTAAN	PENGIKTIRAFAN DARIPADA	TARIKH & LOKASI TERIMA
1.	Anugerah Bandar Rendah Karbon 2024 - Pengiktirafan Diamond Kategori Zon (Bandar Maharani)	Malaysia Green Technology And Climate Change Corporation (MGTC)	26 Februari 2025 Wau Bulan Ballroom, SOFITEL Hotel Kuala Lumpur Damansara
2.	Anugerah Bandar Rendah Karbon 2024 - Pengiktirafan Diamond Kategori Rakan Kongsi (Dewan Jubli Intan Muar)	Malaysia Green Technology And Climate Change Corporation (MGTC)	26 Februari 2025 Wau Bulan Ballroom, Sofitel Hotel Kuala Lumpur Damansara
3.	Anugerah Bandar Rendah Karbon 2024 - Pengiktirafan Diamond Kategori Rakan Kongsi (Kompleks Pekan Rabu Maharani)	Malaysia Green Technology And Climate Change Corporation (MGTC)	26 Februari 2025 Wau Bulan Ballroom, Sofitel Hotel Kuala Lumpur Damansara
4.	Penarafan Tahap 1 - Smart City Early Adopter	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Johor (PLANMalaysia)	28 Oktober 2025 Dewan Seri Siantan, Kompleks Persidangan Perbadanan Putrajaya



# OVERVIEW PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK MPM 2021-2025



Pelan Strategik MPM 2026-2030 adalah agenda kesinambungan untuk menjayakan transformasi Muar menjadi bandar moden dan maju dengan mengekalkan kelestarian alam sekitar yang indah dan bersih, mengekalkan teras kebudayaan dan identiti bangsa dengan mengadaptasi ciri-ciri hidup pintar dengan tujuan inovasi teknologi terkini yang menjanjikan kehidupan yang lebih sejahtera, bahagia dan selesa sehingga dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Pelan strategik MPM 2026-2030 akan menjadi penentu kepada lonjakan pembangunan Bandar Muar ke tahap yang lebih baik dan perlu melihat kekurangan, kelemahan dan jurang dalam pencapaian pelan strategik yang lalu sebagai agenda utama untuk diselesaikan dan diatasi dalam pelan strategik yang baru ini.



## ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA

MPM telah berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran bagi merealisasikan Pelan Strategik MPM 2021-2025 yang lalu iaitu ke arah bandar berdaya tahan dan berdaya huni. Antara cabaran ialah perubahan iklim, yang menyebabkan peningkatan suhu, banjir kilat dan cuaca ekstrem. Keadaan ini memberi tekanan kepada sistem perparitan, infrastruktur dan keselamatan penduduk Bandar Muar.

Selain itu, pertumbuhan penduduk yang pesat di kawasan bandar meningkatkan permintaan terhadap perumahan, pengangkutan, air bersih dan tenaga. MPM menghadapi tekanan dan kekangan dalam menangani isu kesesakan lalu lintas, pencemaran udara dan isu-isu perumahan. Pencemaran alam sekitar yang semakin meningkat, sama ada daripada sisa pepejal, pelepasan kenderaan atau industri, turut menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat bandar.

Cabaran seterusnya ialah ketidaksamaan sosial dan ekonomi. Jurang pendapatan menyebabkan sebahagian penduduk tidak mendapat akses kepada perkhidmatan asas, ruang hijau dan perumahan yang selamat. Di samping itu, kekangan kewangan dan tadbir urus menyukarkan pelaksanaan teknologi hijau dan projek bandar pintar secara menyeluruh.

Kesimpulannya, untuk membina bandar yang berdaya tahan dan berdaya huni, kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat amat penting, di samping perancangan jangka panjang yang menekankan kelestarian dan keseimbangan sosial.

**Kekangan Kewangan & Sumber**

**Kapasiti & Keupayaan Organisasi**

**Proses Perolehan & Tatakelola**

**Cabaran Teknologi & Digitalisasi**

**Penerimaan & Sokongan Komuniti**

**Persekitaran Politik**

**Isu Undang-Undang & Peraturan**

**Pengurusan Risiko, Perubahan Iklim & Ketidaktentuan Faktor Luaran**

**Penyelarasan Antara Agensi**

**Pemantauan, Indikator & Pelaporan**



# ANALISIS DALAMAN DAN LUARAN ORGANISASI

Berikut adalah analisis SWOT (Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Ancaman) untuk merealisasikan wawasan menjadikan Muar Ke Arah Bandar Sejahtera Dan Berdaya Huni menjelang 2030.

**S**

- Mandat undang-undang jelas di bawah Akta Kerajaan Tempatan, memberikan kuasa penuh terhadap perancangan, pembangunan dan penguatkuasaan di kawasan pentadbiran.
- Akses kepada data fizikal bandar (perlesenan, cukai, aduan, GIS), membolehkan analisis keperluan komuniti yang lebih tepat.
- Pengalaman operasi harian dalam pengurusan bandar seperti sisa pepejal, kebersihan, pengindahan dan pengawalan premis.
- Hubungan dekat dengan masyarakat - lebih mudah memahami keperluan setempat.
- Ekosistem rakan strategik (agensi teknikal, syarikat utiliti, agensi negeri) yang boleh menyokong transformasi bandar.

- Kekangan kewangan dan sumber manusia menyukarkan pelaksanaan projek berskala besar.
- Jurang kemahiran digital dan analitik dalam kalangan pegawai, menghalang pelaksanaan bandar pintar.
- Sistem ICT yang berpecah tanpa integrasi menyeluruh, menyebabkan keputusan tidak berpandukan data.
- Proses perolehan dan kelulusan yang panjang, menghadkan kelajuan inovasi.
- Penguatkuasaan tidak konsisten, dipengaruhi kekurangan pegawai, teknologi dan data masa nyata.
- Kebergantungan kepada agensi luar, menyebabkan pelaksanaan projek infrastruktur dan mitigasi risiko tertanggung.

**W**

**O**

- Dana dan insentif kerajaan untuk pembangunan bandar pintar, hijau dan rendah karbon.
- Kemajuan teknologi seperti IoT, AI, GIS, Digital Twin, Big Data yang boleh meningkatkan kecekapan pengurusan bandar.
- Minat sektor swasta dalam PPP (Public-Private Partnerships) bagi projek mobiliti, tenaga bersih, ekonomi digital dan teknologi bandar.
- Kesedaran masyarakat terhadap kelestarian yang semakin meningkat, membuka peluang kepada program komuniti hijau.
- Transformasi ekonomi digital Malaysia, memacu penggunaan platform e-perkhidmatan dan automasi PBT.
- Potensi pelancongan dan ekonomi setempat, melalui pengindahan bandar, ruang awam berkualiti dan acara kebudayaan.

- Perubahan iklim – banjir kilat, gelombang haba, pencemaran dan risiko alam sekitar yang semakin kritikal.
- Perubahan landskap politik yang boleh mengubah keutamaan pembangunan dan kesinambungan pelan strategik.
- Tekanan urbanisasi – pertumbuhan penduduk dan pembangunan pesat tanpa infrastruktur yang mencukupi.
- Jangkaan masyarakat yang semakin tinggi, terutama terhadap kualiti perkhidmatan digital dan tindakan pantas dan proaktif.
- Pertumbuhan ekonomi tidak menentu, menjejaskan hasil PBT dan pelaburan swasta.
- Ancaman keselamatan siber, terutama apabila lebih banyak sistem bandar disambungkan ke platform digital.

**T**

Untuk merealisasikan agenda Muar sebagai bandar lestari, pintar dan berdaya huni, langkah berikut perlu dilaksanakan:

1. Mengukuhkan tadbir urus data dan integrasi sistem.
2. Memperkasa pegawai melalui latihan digital & pengurusan perubahan.
3. Memperluas kerjasama PPP bagi mempercepat pelaburan bandar pintar.
4. Melaksanakan perancangan adaptif yang mengambil kira risiko iklim dan ketidaktentuan ekonomi.
5. Mengukuhkan kepercayaan masyarakat melalui komunikasi strategik dan penyertaan awam.





# MAJUJOHOR2030

Majlis Perbandaran Muar sentiasa mendokong untuk menjayakan Agenda Maju Johor 2030. Pelan Strategik MPM 2026-2030 telah dirangka dengan aspirasi untuk mendokong kejayaan pelaksanaan pelan strategik Maju Johor 2030 berdasarkan penetapan teras, objektif dan inisiatif strategik yang dicadangkan.



## RINGKASAN EKSEKUTIF

# PPMJ 2030

PELAN PEMBANGUNAN  
MAMPAN JOHOR 2030

### Tadbir Urus Kerajaan

Memastikan sistem penyampaian yang telus, cekap, dan berintegriti untuk rakyat dan pelabur.

### Pembangunan Ekonomi

Menjadikan Johor sebagai kuasa ekonomi utama di Malaysia dan hub pelaburan global, disokong oleh projek seperti Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).

### Jaringan Keselamatan Sosial

Memberi tumpuan kepada kebajikan golongan rentan dan menangani kos sara hidup bagi memastikan kesejahteraan rakyat.

### Kemudahan dan Keperluan Asas

Menyediakan infrastruktur yang moden, berkualiti, dan selamat di seluruh daerah.

### Keselamatan, Kebersihan, dan Kelestarian Alam Sekitar

Mengamalkan prinsip pembangunan mampan menerusi inisiatif seperti *Johor Sustainable Centre (JSC)*.

### Orang Muda Johor

Memperkasa belia sebagai pemimpin masa hadapan dan penggerak ekonomi utama.



**Halatuju  
Pelan  
Strategik  
2026-2030**





## Muar Ke Arah Bandar **Sejahtera** Dan **Berdaya Huni**



### MUAR BANDAR SEJAHTERA

Bandar Muar yang dirancang dengan mampan, selamat dan inklusif, menyediakan perumahan, kemudahan, ekonomi stabil, alam sekitar bersih melalui tadbir urus perbandaran yang cekap demi kesejahteraan hidup penduduk bandar yang harmoni

### MUAR BANDAR BERDAYA HUNI

Bandar Muar yang selamat, bersih dan inklusif yang menyediakan perumahan berkualiti, kemudahan lengkap, alam sekitar sihat, mobiliti cekap serta peluang ekonomi yang berkembang demi kualiti hidup penduduk bandar yang mampan dan lestari



## VISI, MISI DAN MOTO MPM

### VISI

Ke Arah Bandar  
Sejahtera Dan Berdaya  
Huni

### MISI

Merealisasikan Tadbir Urus  
Perkhidmatan Perbandaran Secara  
Efektif dan Efisien

### 3 Agenda Transformasi MPM

Reformasi Organisasi	Reformasi Perkhidmatan	Reformasi Bandar
Teras 1 Teras 2	Teras 3	Teras 4 Teras 5
Pengukuhan organisasi untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan	Penambahbaikan sistem dan proses untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan	Penambahbaikan pengurusan dan pembangunan bandar mampan dan pintar

### NILAI

Mesra, Unik, Amanah, Responsif

Pengiktirafan	Sasaran Menjelang 2030
Muar Bandar Bersih & Indah	Kedudukan 5 terbaik di peringkat kebangsaan
Muar Bandar Pintar	Kedudukan 10 terbaik di peringkat kebangsaan
Muar Bandar Sejahtera	Kedudukan 10 terbaik di peringkat kebangsaan
Muar Bandar Destinasi Warisan Negara	Menjadi antara 10 destinasi pilihan di Malaysia
Muar Bandar Mampan	Kedudukan 10 terbaik di peringkat kebangsaan
Muar Bandar Selamat	Kedudukan 10 terbaik di peringkat kebangsaan



## NILAI-NILAI BERSAMA MPM

Seluruh warga kerja MPM mendokong Nilai HEMAT

### NILAI UNTUK WANG

Memastikan setiap ringgit dibelanjakan memberi impak sebenar kepada masyarakat.

### KETELUSAN DAN AKAUNTABILITI

Laporan kewangan dan pelaksanaan projek jelas serta boleh dipertanggungjawabkan.



### PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAH

Memastikan belanjawan digunakan secara bijak, memprioritikan keperluan rakyat.

### PENGUNAAN SUMBER SECARA EFISIEN

Tenaga, tenaga kerja, infrastruktur dan aset awam dimanfaatkan sepenuhnya.

### PERANCANGAN DAN PEMANTAUAN

Setiap projek dan inisiatif dipantau untuk mengelak pembaziran.

### INTEGRITI

Warga MPM wajib mengamalkan amanah, adil dan jujur dalam menjalankan tugas.

### PROFESIONALISME

Tugas dilaksanakan berdasarkan keilmuan dan kemahiran tinggi, dengan komitmen tinggi terhadap kualiti perkhidmatan.

### KETELUSAN & AKAUNTABILITI

Keputusan dan tindakan diambil dengan telus, mengikut undang-undang dan peraturan jabatan.

### KECEKAPAN PENGURUSAN & PERKHIDMATAN

Bersikap cekap dan berkesan dalam pengurusan majlis dan pemberian perkhidmatan kepada komuniti.


### PEMBANGUNAN SEIMBANG & KESEJAHTERAAN KOMUNITI

MPM komited kepada pembangunan lestari serta meningkatkan kualiti hidup penduduk di Muar



# TERAS STRATEGIK 1 DAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK

## Pengurusan Organisasi Yang Cepak dan Efektif



### Objektif Strategik

### Petunjuk Pencapaian

### Sasaran Pencapaian

1.1	Pengurusan Sumber Manusia Yang Efektif	Tahap kompetensi pegawai	Meningkat dari tahap kompetensi sedia ada
		Tahap prestasi pegawai	100% Sangat baik
		Kesediaan perjawatan kritikal	Sangat baik
		Tahap keseronokan bekerja	Melebihi 90% ke atas
		Data HR	100% tepat dan terkini
1.2	Pengurusan Organisasi Berkualiti Dan Inovatif	Penilaian kualiti	Perolehi sijil ISO dan patuhi kualiti
		Penilaian hasil inovasi	Anugerah inovasi & peningkatan mutu perkhidmatan
		Penilaian ESG	Anugerah ESG di peringkat negara



	Objektif Strategik	Petunjuk Pencapaian	Sasaran Pencapaian
1.3	Pengurusan Rekod dan Setor Yang Efisien	Tahap pematuhan kepada tatacara pengurusan	Kes ketidakpatuhan berkurangan setiap tahun
1.4	Pengurusan Yang Berintegriti dan Berprestasi Tinggi	Pematuhan amalan integriti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 100% kakitangan mematuhi etika dan tatakelakuan</li> <li>• Mendapat Skor 0.00 dalam Data PSCR</li> <li>• Min. pingat gangsa dalam pertandingan AIGA</li> </ul>
1.5	Pengurusan Pelanggan, Informasi, Perhubungan Awam Dan Aduan Berkualiti	Tahap kecekapan pengurusan pelanggan	Mengoptimumkan pencapaian tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan PBT sekurang-kurangnya 85%
1.6	Pembudayaan Mengutamakan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan	Jumlah insiden kemalangan di tempat kerja  Rekod kesihatan	Meminimalkan insiden kemalangan  Tahap kesihatan warga kerja bertambah baik
1.7	Pembinaan Jaringan dan Kerjasama Strategik	Jumlah inisiatif strategik yang berjaya menyelesaikan isu & mencapai objektif	Meningkat setiap tahun
1.8	Peningkatan Kelancaran Perkhidmatan Dengan Sistem ICT Yang Cepak	Kelancaran perkhidmatan dengan solusi ICT	Peningkatan jumlah projek ICT yang dilaksanakan dan impak kepada kelancaran perkhidmatan

Objektif 1.1	Pengurusan Sumber Manusia Yang Efektif		
No	Inisiatif Strategik	Sasaran Pelaksanaan	Pelaksana
1.1.1	Semakan pengwujudan perjawatan kritikal & Penstrukturan Semula MPM 2025-2030	Setiap 3 tahun	JKP
1.1.2	Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa dalaman MPM di kalangan wanita	30 % penglibatan wanita setiap tahun	JKP
1.1.3	Pembangunan Pelan Penggantian bagi jawatan kritikal	Tahun 2026	JKP
1.1.4	Semakan proses kerja terkini secara berkala	Setiap 6 bulan sekali	JKP
1.1.5	Semua anggota perlu menghadiri kursus / latihan yang berkaitan bidang tugas hakiki sekurang-kurangnya 7 kali setahun	100% anggota menghadiri kursus / latihan melebihi 7 hari/ tahun	JKP



Objektif 1.1	Pengurusan Organisasi Yang Cepak dan Efektif		
No	Inisiatif Strategik	Sasaran Pelaksanaan	Pelaksana
1.1.6	Pelaksanaan dasar pengurusan bakat sektor awam 1. My Performance 2. My Competency 3. My Potensi	1. Bermula 2025 2. Bermula 2027 3. Bermula 2027	JKP
1.1.7	Pelaksanaan program berkaitan isu kesihatan mental anggota	2 kali setahun	JKP
1.1.8	Melaksanakan kajian tahap kesihatan mental anggota	1 kali setahun	JKP
1.1.9	Mesyuarat MBJ	3 kali setahun	JKP
1.1.10	APC / Anugerah Khas / Penghargaan kepada anggota / Pemberian Insentif	Setahun sekali	JKP
1.1.11	Melaksanakan program <i>Team Building</i>	Pelaksanaan mengikut keperluan	JKP

Objektif 1.2	Pengurusan Organisasi Berkualiti Dan Inovatif		
No	Inisiatif Strategik	Sasaran Pelaksanaan	Pelaksana
1.2.1	Pengurusan Organisasi Berkualiti Dan Inovatif	2 kali setahun	JKP
1.2.2	Dasar baharu untuk pelaksanaan inovasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>EKSA 2026</li> <li>JK Keselamatan 2026</li> <li>KIK 2025</li> </ul>	JKP
1.2.3	Latihan/ bengkel kepada anggota yang terlibat	Setiap tahun	JKP
1.2.4	Pemberian insentif kepada pasukan yang berjaya	Setiap tahun	JKP/ Kewangan
1.2.5	Pensijilan MS ISO 9001:2015	Setiap tahun	JKP/ Kewangan
1.2.6	Penyertaan dalam pertandingan inovasi	Setiap tahun	JKP/ Kewangan
1.2.7	Mewujudkan data based berkaitan SOP, garis panduan, borang yang terlibat dalam proses kerja	Inventori lengkap semua SOP, garis panduan, borang, proses dalam organisasi	JKP
1.2.8	Mewajibkan setiap jabatan menghasilkan projek inovasi	Sekurang-kurangnya 1 projek	JKP



Objektif 1.3	Pengurusan Rekod dan Setor Yang Efisien		
No	Inisiatif Strategik	Sasaran Pelaksanaan	Pelaksana
